

Jabatan Kehakiman,  
Mahkamah Persekutuan,  
Jalan Raja,  
KAULA LUMPUR. 01-02.  
13HB. November, 1980.

1. Timbalan Pendaftar,
2. Ketua Pegawai Pentadbir,
3. Pegawai Pentadbir,
4. Pegawai Pembangunan,
5. Pegawai Kerja Akaun I, II
6. Pegawai Kerja Am,
7. Semua Ketua Kerani
8. Semua Setiausaha Kepada Hakim.

WAKTU MINUM TEH PAGI      A' 21/80

Merujuk kepada perkara diatas, di maklumkan bahawa sering didapati anggota pejabat minum teh dikantin atau dimeja masing-masing pada masa-masa yang tidak tentu. Ada terdapat setengah anggota pejabat pergi ke kantin untuk minum teh pada pukul 8.30 pagi, setengah minum teh dimeja masing-masing pada 9.30 pagi dan setengah berkeliaran ditempat jual Stamp, dikantin atau di Kaunter tempat mematikan Stamp tanpa sebarang tujuan. Setengah hilang pada suatu ketika dan timbul pula pada suatu ketika yang lain. Setengah anggota bersembang dari satu meja kesatu meja yang lain.

2. Keadaan semacam ini menggambarkan imej yang tidak baik - tidak berdisiplin dan anggota pejabat kekurangan kerja; walhal banyak kerja yang hendak dibereskan.

3. Untuk mengelakkan keadaan semacam ini, Pegawai-Pegawai (termasuk Ketua Kerani) yang menjadi ketua satu-satu bahagian hendaklah mengawal semua anggota di bawah jagaannya supaya berada ditempat masing-masing menjalankan tugas. Pelayan-Pelayan Pejabat, Pencari-Pencari Fail, Pemandu-Pemandu dan Buruh Kasar hendaklah menjalankan tugas masing-masing dengan sempurna dan hendaklah berada dibahagian masing-masing setelah menjalankan tugas-tugas tertentu yang diarahkan selain daripada tugas-tugas harian yang ditetapkan. Ketua Bahagian hendaklah membuat suatu peraturan supaya anggota dibawah jagaannya dapat minum teh pagi di Kantin bergilir-gilir atau dimeja masing-masing (seberapa boleh biarlah tersorok sedikit) dengan memberi masa 15 minit seorang antara pukul 10.00 - 10.30 pagi. Peraturan itu hendaklah disusun supaya sentiasa ada anggota dibahagian masing-masing untuk menerima talipon/intercom atau apa-apa arahan atau orang awam.

4. Dengan ini adalah ditegaskan jua bahawa, jika didapati mana-mana anggota pejabat berkeliaran ditempat yang lain dari tempat ia bertugas, ia akan di kemukakan ke Lembaga Tatatertib.

Sekian.

T.T.

(SITI NORMA YAAKOB)

Ketua Pendaftar.